



KENYATAAN MEDIA HARI KE-31

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri melalui Sabah COVID-19 Command Centre ingin memaklumkan bahawa untuk meningkatkan kecekapan penyampaian Pakej Bantuan COVID-19 Sabah, Kerajaan Negeri telah membangunkan Sistem Permohonan dan Semakan Bantuan COVID-19 Sabah.

1. Kerajaan Negeri pada 10 April 2020 telah melancarkan fasa pertama sistem permohonan dan semakan Bantuan COVID-19 melalui <https://wecare.sabah.gov.my> yang bertujuan untuk membolehkan permohonan daripada warga Sabah dalam kategori B40 yang berada di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.
2. Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa pada 15 April 2020 satu sistem baharu melalui <https://bantuan.covid19.sabah.gov.my> telah dilancarkan menggantikan sistem yang dibangunkan melalui <https://wecare.sabah.gov.my>. Sistem baharu ini telah mengintegrasikan data-data di dalam sistem <https://wecare.sabah.gov.my>. Disamping itu, sistem baharu ini juga diperluaskan bagi membolehkan permohonan dan semakan bantuan COVID-19 Sabah yang meliputi permohonan untuk :
 - (i) Warga Sabah Kategori B40 yang berada di Semenanjung Malaysia dan Sarawak;
 - (ii) Pemandu-pemandu Teksi, Bas, Lori dan Kereta Sewa;
 - (iii) Petani, Pekebun-pekebun Kecil, Nelayan dan Penternak;
 - (iv) Porter atau Malim Gunung;

- (v) *Freelance Tour guide*;
- (vi) Warga Tua;
- (vii) Anak Yatim;
- (viii) Orang Kelainan Upaya (OKU); dan
- (ix) Ibu Tunggal.

3. Semua rekod dan data permohonan yang dipohon melalui <https://wecare.sabah.gov.my> telahpun diintegrasikan ke dalam sistem baharu melalui <https://bantuan.covid19.sabah.gov.my>. Sebarang capaian ke <https://wecare.sabah.gov.my> akan dihubungkan secara automatik ke sistem baharu.
4. Kenyataan ini adalah untuk memberi keyakinan mengenai capaian yang baharu ini dan menjelaskan bahawa kekeliruan yang timbul adalah akibat integrasi sistem lama ke sistem baharu. Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa keselamatan dan integriti data pemohon yang dikemukakan adalah terpelihara.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
17 April 2020 | 11.15 malam